

# Subsidi diesel nelayan tiris lebih RM4 juta sebulan

Um 31/5/2023 ms: 11

Oleh FAHMI FAIZ  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Separuh daripada kira-kira 2,000 bot zon C di seluruh negara didakwa 'menyonglap' diesel bersubsidi nelayan sebelum menjualnya kepada bot-bot C2 dengan margin 25 sen seliter.

Rata-rata pemilik dan pengusaha bot zon C yang 'melanun' diesel subsidi ini sebenarnya bukanlah nelayan, sebaliknya tauke vessel yang kaya raya dengan pendapatan mencecah RM30,000 sebulan bagi sebuah bot zon C malah ada tauke yang dikesan mempunyai sehingga 30 bot zon C yang berharga RM3 juta hingga RM5 juta sebuah.

Kumpulan 'lanun' diesel yang berleluasa di Hilir Perak dan Rompin, Pahang ini dipercayai menggunakan 100 peratus kuota bahan api bersubsidi yang diberikan kerajaan iaitu kira-kira 17,000 liter sebulan namun mereka tidak turun ke laut menangkap ikan.

Sebaliknya, mereka boleh hidup mewah dengan menjual diesel bersubsidi tersebut kepada bot-bot C2, pelangan di darat serta nelayan asing di tengah lautan.

Rangkaian songlap dan lanun diesel tersebut mengakibatkan kerajaan kerugian RM4.25 juta setiap bulan. Dasar pemberian subsidi sepatutnya membantu ekonomi nelayan dan memastikan bekalan ikan sentiasa banyak tetapi yang berlaku sebaliknya.

Satu sumber industri mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, kegiatan melanun diesel ini dilihat sendiri dan perbuatan itu berleluasa di kawasan mengisi minyak diesel subsidi di seluruh negara.



**KERAJAAN** perlu bertindak segera mencari jalan penyelesaian isu ketirisan diesel subsidi kepada nelayan.

"Struktur penyaluran subsidi sejak 2006 ini, bot C2 yang hasil tangkapan lautnya lebih banyak tidak diberikan subsidi berbanding bot kategori C. Secara purata bot C mendapat 17,000 liter kuota diesel subsidi setiap bulan. Sementara bot C2 tak dapat subsidi.

"Jadi bila struktur sebegini, bot C dan C2 ada yang dimiliki oleh tauke yang sama. Bot C dan C2 juga berada di pangkalan yang sama dan menangkap ikan di lautan yang sama. Bot C2, kalau mereka nak bergerak, mereka terpaksa beli diesel pada harga pasaran semasa iaitu RM2.65.

"Ini mewujudkan suasana di mana tauke bot C2 membeli minyak daripada tauke bot C. Sementara itu tauke bot C pula

menjual minyak bertujuan mendapatkan keuntungan segera tanpa turun ke lautan," kata sumber di sini semalam.

Menurut sumber, selain menjual bahan api tersebut kepada bot C2, lanun yang terdiri daripada tauke dan pemilik bot C tersebut turut menjual diesel bersubsidi kepada pihak-pihak lain yang memerlukan bahan api itu termasuk lori tangki di daratan serta nelayan asing yang dijual di tengah laut.

"1,000 bot C ini mengambil minyak subsidi dan menjual bahan api itu kepada tauke bot C2 dan kepada pihak lain termasuk pihak lain yang memerlukan diesel itu.

"Ini termasuk operator lori, jualan diesel di tengah jalan, lori

tangki pindahkan diesel kepada lori lain dan jual kepada tempat lain serta aktiviti menjual diesel subsidi kepada nelayan Thailand dan Vietnam di tengah laut.

"Jadi, 1,000 bot C darab 17,000 liter kuota diesel yang mereka songlap sebulan berjumlah RM17 juta. Mereka ambil untung 25 sen setiap liter, maka mereka untung atas angin RM4.25 juta sebulan," dedah sumber.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, bekas Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Husin Hafiz Syed Abdul Fasal yang ditemui akhbar ini berkata, sudah tiba masanya kerajaan bertindak mencari penyelesaian kemelut membabitkan ketirisan parah diesel bersubsidi kepada nelayan.